

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan



ISSN 1823-6421



Bencana Berganda dan Inflasi Dunia: Kesan ke atas Usahawan

Zuriyati Ahmad¹ dan Noorhayati Yusof Ali¹

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, Cawangan Terengganu.

*Koresponden: zuriy271@uitm.edu.my

Inflasi ataupun peningkatan paras harga barangan dan perkhidmatan yang dibeli oleh isi rumah boleh dianggap risiko buat warga global termasuk Malaysia. Kadar inflasi tinggi berlaku di seluruh dunia. Di Amerika Syarikat, inflasi pada bulan Ogos 2022 mencecah 8.3% merupakan rekod tertinggi dalam sejarah sejak tahun 1982. Manakala inflasi di negara lain pada bulan Ogos 2022 di zon Euro adalah sebanyak 9.1 peratus, Thailand (7.9 peratus), Filipina (6.3 peratus) dan Korea Selatan (5.7 peratus). Di Malaysia, kadar inflasi pada bulan yang sama telah meningkat kepada 4.7 peratus berbanding 4.4 peratus pada Julai 2022. Kadar inflasi ini adalah lebih jauh dari yang dijangkakan oleh badan penyelidikan Socio-Economic Research Center iaitu sekitar 3.0% pada tahun 2022.

Inflasi yang dialami di seluruh dunia ketika ini bukanlah sesuatu yang mengejutkan. Satu demi satu bencana yang menimpa secara global. Bencana berganda ini merupakan episod permulaan untuk peningkatan inflasi yang berpanjangan secara global. Bermula dengan pandemik COVID-19, yang telah menyebabkan kejutan di bahagian penawaran. Fenomena ini berlaku apabila sektor ekonomi yang kebanyakan ditutup ketika pandemik COVID-19 berlaku menyebabkan pengurangan dari sudut penawaran. Namun setelah sektor ekonomi telah mula beroperasi semula, permintaan yang meningkat secara mendadak menyebabkan tidak dapat dipenuhi oleh penawaran. Jelas secara teorinya, harga barang dan jumlah barangan tidak lagi berada di dalam kesimbangan. Ini menjadi punca utama kenaikan harga seterusnya kadar inflasi. Akibat daripada memenuhi permintaan yang naik mendadak itu, rantai penawaran seperti bekalan bahan mentah dan komponen asas, logistik dan pengangkutan, juga akan turut terganggu. Ini menambahkan lagi masalah dalam peningkatan harga barangan dan servis.

Bencana alam seperti banjir dan kemarau turut meruncingkan lagi masalah peningkatan inflasi global. Kesan perubahan iklim memberi kesan kepada pengeluaran makanan. Contohnya pada 23 Jun 2022, banjir di India telah memusnahkan tanaman pertanian di kawasan tersebut. Pada masa yang sama, gelombang haba serta suhu yang melebihi 40 darjah Celsius berlaku di sesetengah tempat di India dan China yang telah mengurangkan hasil pertanian terutamanya hasil bijirin. Ini menjejaskan pengeluaran hasil bijirin di kedua-dua negara tersebut. Oleh itu, bekalan makanan semakin meruncing dan menyebabkan kenaikan harga bertambah tinggi. Ini di tambah lagi dengan negara pengeluar utama makanan dunia yang terpaksa menghentikan eksport stok makanan ke pasaran dunia demi menjaga permintaan dalaman dan menyebabkan gangguan logistik pembekalan makanan dunia.

Kejutan penawaran juga berlaku dari Eropah Tengah apabila terdapatnya ketegangan geopolitik di antara Russia-Ukraine. Ini menyebabkan berlakunya serampang kejutan penawaran di mana sumber bekalan tenaga dari Russia dan bijirin dari Russia dan Ukraine tersekat akibat sekatan ekonomi dan penghadan pengeluaran. Konflik yang berterusan di antara Russia dan Ukraine telah menyebabkan harga komoditi di seluruh dunia melonjak di tengah-tengah kebimbangan dan reaksi mendadak terhadap kemungkinan kejatuhan dari segi bekalan. Ini kerana, kedua-dua negara adalah pengeluar utama, antara lain, minyak bunga matahari, gandum dan jagung. Menurut Jabatan Pertanian Amerika Syarikat (USDA), Russia dan Ukraine secara bersama menyumbang 78 peratus, 29 peratus dan 19 peratus masing-masing untuk minyak bunga matahari, gandum dan jagung daripada anggaran perdagangan global 2021/22. Manakala Russia juga pengeluar terbesar sumber tenaga dunia. Kedua-dua pengurangan pengeluaran sumber tenaga dan bijirin sudah cukup menjadi bencana berganda untuk melonjakkan inflasi seluruh dunia.

Di Malaysia, jangkaan awal inflasi pada tahun 2022 adalah sekitar 3%. Peningkatan ini jauh lebih tinggi berbanding paras sebelum pandemik COVID-19 bermula di mana Malaysia merekodkan inflasi masing-masing pada 1.0% dan 0.7% pada tahun 2018 dan 2019. Namun jangkaan awal ini meleset apabila inflasi telah meningkat kepada 4.7% pada bulan Ogos 2022. Peningkatan inflasi ini sememangnya akan memberi kesan kepada pengguna dan juga usahawan. Ini kerana sebahagian besar aktiviti ekonomi negara melibatkan barangan yang diimport. Tahun 2020 menyaksikan RM800 bilion barangan telah diimport ke Malaysia. Nilai barangan yang diimport ini bersamaan lebih separuh saiz ekonomi Malaysia. Peningkatan dalam barangan diimport menyebabkan para usahawan akan terpaksa meningkatkan harga barangan. Pada masa yang sama harga meningkat juga akan makin berpanjangan disebabkan oleh pengeluaran ataupun pengilang di luar sana tidak mampu lagi untuk membekalkan apa yang diminta oleh pasaran.

Gangguan terhadap bekalan bahan mentah akibat pandemik turut menyaksikan peningkatan di dalam harga barang. Contohnya, kekurangan bekalan ayam seperti yang pernah berlaku di Malaysia turut menyebabkan harga ayam meningkat dan seterusnya harga barangan makanan yang lain juga turut terkesan. Manakala penyekatan import gandum, contohnya dari India telah mengakibatkan harga barangan berdasarkan bahan mentah berkenaan meningkat. Pengeluar roti Gardenia umpamanya telah meningkatkan harga mereka kepada RM4.00 bagi roti bersaiz jumbo 600g pada akhir Disember 2021. Faktor kekurangan bekalan bahan mentah ini boleh mendorong kos yang lebih tinggi kepada usahawan, terutama jika perniagaan mengharapkannya masih kekal pada masa hadapan.

Kesan daripada inflasi global termasuk Malaysia lebih berpanjangan apabila terdapat isu membabitkan kekurangan tenaga kerja termasuk pekerja asing. Di sektor perladangan, perternakan dan pengilangan contohnya kehilangan tenaga buruh berlaku ketika negara akibat penutupan ekonomi akibat COVID-19. Setelah ekonomi dibuka semula kekurangan tenaga buruh dalam sektor-sektor ini jelas terasa. Sekiranya masalah kekurangan tenaga buruh tidak diatasi ia akan memberi tekanan kepada pengeluaran dan ekonomi. Pengeluar mungkin terpaksa menaikkan harga barang untuk mengurangkan kos pengeluaran yang ditanggung.

Kenaikan harga minyak mentah global juga merupakan tindak balas segera kepada pemulihan ekonomi. Bank Negara Malaysia (BNM) meramalkan kenaikan harga minyak mentah sekitar AS\$100 hingga AS\$120 satu tong. Namun pada masa yang kenaikan harga minyak mentah ini pastinya turut meningkatkan kos pengeluaran kepada usahawan terutamanya kos pengangkutan. Apabila usahawan meningkatkan harga barang disebabkan oleh kos pengeluaran yang tinggi, maka pengguna akan lebih berhati-hati untuk berbelanja dan ia sekali gus memberi kesan kepada hasil jualan dan aliran tunai.

Peningkatan kadar inflasi di Malaysia yang bermula sejak tahun lalu akibat bencana berganda adalah membimbangkan, namun fenomena global ini turut dialami kebanyakan negara lain di seluruh dunia. Masalah inflasi ini akan memberi kesan kepada usahawan pada masa yang sama kepada pengguna. Namun, berapa pun angka inflasi, rakyat Malaysia samada usahawan atau pengguna tetap perlu mengharungi tahun 2022 dengan penuh cabaran walaupun pendapatan mereka akan terjejas.

Rujukan

- [1] Dodd, D. (Julai, 12, 2022). Global business faces perfect storm. Financial Times. <https://www.ft.com/content/e18501ae-8e27-400b-87a8-be1c5b19f703>
- [2] Berita Harian (Oktober 14, 2022). Kadar inflasi China tertinggi dalam dua tahun. <https://www.bharian.com.my/dunia/asia/2022/10/1012212/kadar-inflasi-china-tertinggi-dalam-dua-tahun>
- [3] Rahimah Abdullah (Jun 27, 2022) Kesan inflasi makanan yang tinggi gusarkan usahawan PMKSJ. Astro Awani <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/kesan-inflasi-makanan-yang-tinggi-gusarkan-usahawan-pmks-368405>

